

Sungai khazanah penting mesti dipelihara

Kempen kurang berkesan didik rakyat

Malaysia mempunyai khazanah lebih daripada 150 lembangan sungai utama dengan kira-kira 100 di Semenanjung saja. Malangnya ia tidak dipelihara dengan baik oleh rakyat menyebabkan banyak daripadanya tercemar teruk sehingga ada yang mati dengan airnya tidak lagi mengalir.

Sejak 1993 lagi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melancarkan kempen 'Cintailah Sungai Kita'. Malah kempen peringkat kebangsaan dilancarkan pada 2000 oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyeru rakyat bersyukur atas kurniaan alam yang begitu indah yang menjadi khazanah tidak ternilai dan perlu dijaga dengan baik.

Malangnya sehingga kini kebanyakan sungai itu masih kotor dan amat tercemar dengan sisa pepejal dan tanah terhakis hingga ada yang tidak lagi mampu menampung hidupan akuatik.

Hakisan tanah disebabkan pembangunan di kawasan sekeliling dan luahan sisa tidak dirawat dari kilang menjadi penyebab utama pencemaran. Kempen tahunan itu untuk mendidik orang ramai mengenai kepentingan sungai dan alam sekitar dalam kehidupan. Namun, kempen itu tidak kedengaran lagi. Apakah ini menunjukkan kurang perhatian rakyat terhadap usaha memelihara sungai atau pihak berkepentingan juga sudah mengangkat tangan dengan keadaan yang wujud sekarang.

Ini semua gara-gara sikap rakyat dan pemaju/pengusaha yang tidak prihatin pentingnya sistem sungai dipelihara. Pihak berkuasa tempatan pula amat lemah memantau pembangunan di sekitar lembangan sungai di bawah jagaan mereka.

Selepas hampir 20 tahun kempen dijalankan, tidak banyak yang boleh kita banggakan dengan keadaan di kebanyakan lembangan sungai dalam negara ini. Malah kempen itu sendiri pun tidak kedengaran lagi. Penduduk di tepi sungai masih menganggap sungai tempat membuang sampah, demikian pula pemaju serta pengusaha tidak kisah dengan sisa-sisa hasil daripada perusahaannya mereka berterusan memasuki sungai seperti kurangnya pemantauan oleh pihak berkuasa tempatan terbabit.

Lihat saja apa yang berlaku dengan Tasik Chini, Pahang yang menghadapi kemungkinan pupus seperti Tasik Mentiga yang berdekatan dan sudah pun lesap.

Apa yang dihadapi Tasik Chini sekarang adalah gara-gara perlombongan yang rakis sehingga membawa pelbagai bahan pencemaran, termasuk sisa toksik dan logam ke dalamnya. Ia bukan saja memusnahkan kehidupan akuatik tetapi juga flora dan fauna disebabkan oleh paras asidnya yang amat tinggi.

Ruangan ini pada Mac lalu sudah menimbulkan kemungkinan tasik kedua terbesar dalam negara selepas Tasik Bera ini akan hilang daripada peta Pahang kerana kegiatan beberapa syarikat melombong di sekitarnya. Kini Pertubuhan Transparency International-Malaysia (TIM) melancarkan kempen untuk memulihara tasik yang diiktiraf UNESCO sebagai khazanah simpanan biosfera supaya ia tidak pupus.

Ia merujuk laporan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2010 yang mem-

beri amaran terhadap kedudukan tasik itu jika apa yang berlaku sekarang tidak dihentikan. TIM juga mahu kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Kebangsaan mengenai Tasik Chini seperti disyorkan dalam memorandum yang disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak pada 10 April lalu. Najib ialah Ahli Parlimen kawasan itu.

Kini ada pula usaha memperbaiki dan memulihara Sungai Klang dan Sungai Gombak menjadikannya tumpuan warga kota dan pelancong beriadah. Ia juga bertujuan memulihkan mutu air ke tahap boleh disentuh daripada ke-

adaan sekarang yang tidak sihat disentuh.

Ia bertujuan menjadikan beberapa kawasan di situ sebagai pusat rekreasi dengan mengadakan pelbagai kegiatan termasuk berdayung dan bersampan dengan kawasan tebing di majukan dengan kafe dan penubuhan pelbagai balai seni.

Semua 11 kawasan sudah dikenal pasti di sepanjang 10.7 kilometer sungai untuk pengindahan itu. Dari segi perancangannya, ia sungguh indah tetapi usaha itu tidak harus berlaku di kawasan jagaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur saja. Sokongan dan kerjasama semua rakyat di hulu kedua-dua sungai itu juga perlu supaya ia tidak lagi dijadikan tempat buangan sampah. Tanpa ada usaha berkesan untuk memulihara keadaan di hulu kedua-dua sungai itu dan menghindar sungai terus dijadikan tempat buangan, usaha itu tidak mungkin berjaya.



Tasik Chini bakal lenyap akibat perlombongan di kawasan sekitar.



Penulis

ialah Felo Kanan UKM